

Domestik kukuh sumbang ekonomi positif
Utusan Online
26 Mei, 2012

KUALA LUMPUR 25 Mei - Pertumbuhan ekonomi suku pertama pada 4.7 peratus disebabkan oleh permintaan domestik yang kekal kukuh dengan disokong oleh aktiviti ekonomi sektor swasta dan awam.

Penganalisis OSK Research, Leslie Tang berkata, pertumbuhan suku pertama itu adalah dipacu oleh permintaan domestik, terutama pelaburan pelbagai sektor.

"Perbelanjaan pelaburan meningkat hampir berganda berbanding suku keempat adalah disebabkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan projek-projek infrastruktur seperti My Rapid Transit (MRT).

"Perbelanjaan swasta kekal teguh apabila meningkat sebanyak 7.4 peratus (tahun ke tahun) pada suku pertama, namun perbelanjaan kerajaan tidak selari dengan pertumbuhan digit berganda pada dua suku sebelum ini," katanya dalam nota penyelidikan.

Tambah Tang, suasana luaran yang lemah telah memberikan kesan kepada eksport negara yang hanya berkembang 2.8 peratus sahaja.

"Kami percaya perbelanjaan kukuh kerajaan pada suku akan datang serta permintaan domestik teguh bakal membantu mengatasi kelemahan permintaan luar yang lemah.

"Kami menjangkakan perbelanjaan tunai kerajaan (termasuk kenaikan gaji kakitangan awam dan pembayaran kepada peneroka FELDA) dan perbelanjaan dipercepatkan terutama bagi projek berkaitan ETP ekoran pilihan raya umum yang semakin hampir," jelasnya.

Sementara itu, Penganalisis MIDF Research, Anthony Dass turut bersetuju dengan trend pertumbuhan ekonomi Malaysia bersandarkan kepada permintaan domestik terutama perbelanjaan swasta.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0526&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_02.htm